

CNS6174

R GB 26-02 00239 BA352

bah

Mahathir - Tabung (Ulangan dgn tambahan pada para 3)

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata usaha membasmi kemiskinan sepatutnya menjadi tanggungjawab bersama sektor awam dan swasta di negara ini.

Dalam hubungan ini, kata Perdana Menteri, Tabung Projek Ikhtiar yang dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) untuk membantu golongan termiskin menjalankan kegiatan ekonomi, merupakan satu usaha yang sangat dihargai oleh kerajaan.

Beliau berkata demikian dalam buku cenderamata sempena pelancaran Tabung Projek Ikhtiar Tahun 1991 oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini Khamis ini. Tabung itu dianjurkan dengan kerjasama Berita Harian dan TV3 dan merupakan yang kedua dilancarkan. Tahun lepas, projek itu dikendalikan dengan kerjasama Utusan Malaysia dengan kutipan \$267,000.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, satu unsur yang penting untuk mencapai cita-cita murni itu ialah dengan menanamkan sikap positif kepada keluarga golongan termiskin.

+Dengan sikap positif seperti rajin dan tekun bekerja, akan mendorong keluarga berkenaan berusaha dan berikhtiar bagi memajukan diri mereka khususnya dalam bidang ekonomi,+ katanya.

Sambil berharap Tabung Projek Ikhtiar itu akan mencapai matlamatnya, Perdana Menteri berkata, adalah menjadi dasar kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat di negara ini melalui peningkatan taraf hidup dalam bidang ekonomi, pendidikan dan sosial.

Usaha yang sedang dijalankan termasuklah usaha-usaha melengkapkan lagi infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar, kata beliau. -- Bernama

♥26/02/12-11MST